



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Emel: pha@kwp.gov.my

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBELIAN
MENARA PJH, PRESINT 2 PUTRAJAYA UNTUK
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

PUTRAJAYA, 27 Mei 2010 - Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memiliki ruang pejabat yang sempurna dan lengkap, pada hari ini akan menyaksi dan **merakamkan detik bersejarah** apabila **Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)** akan menandatangani perjanjian pembelian **bangunan Menara PjH milik Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.** dengan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti Perjanjian Konsesi Bangunan-Bangunan Kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya di mana Kerajaan membayar sewaan kepada PjH untuk tempoh 25 tahun.

2. Perjanjian pembelian bangunan Menara PjH akan ditandatangani oleh **Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar** mewakili Kerajaan Malaysia dengan **Y.Bhg. Datuk Azlan Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif, Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.** Peristiwa bersejarah ini akan **disaksikan sendiri oleh Y.B. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.**

3. Antara kenamaan-kenamaan yang dijangka hadir ialah Y.B. Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; Y.Bhg. Dato' Ishak Imam Abas, Pengurus Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.; Y.Bhg. Dato' Basiran Saban, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan dan Tuan Hj. Hasim bin Hj. Ismail, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

4. Hasrat pembelian bangunan ini sebenarnya telah **mendapat persetujuan Kerajaan pada 18 Disember 2007 sejajar dengan fungsi dan tanggungjawab Kementerian.** Sejak itu, beberapa siri rundingan telah diadakan antara pihak Kementerian, Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan pemilik bangunan sendiri iaitu Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. sehinggalah satu persetujuan dimuktamadkan pada awal bulan Mei tahun ini antara pihak-pihak yang berkepentingan.
5. Menara PjH yang siap dibina pada tahun 2004 terletak di kawasan seluas 4.035 ekar dan merupakan bangunan blok pejabat swasta yang pertama di Core Island Putrajaya yang pada awalnya dirancang sebagai Kawasan Perniagaan Utama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
6. Dua buah blok bangunan moden yang tersergam indah ini terletak di lokasi yang strategik di Presint 2, iaitu di hujung sebelah utara Boulevard atau Persiaran Perdana berhadapan Kementerian Kewangan. Blok 1 setinggi 10 tingkat menempatkan ibu pejabat korporat Putrajaya Holdings, manakala Blok 2 setinggi 8 tingkat telah **disewakan** kepada beberapa pihak termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sejak tahun 2005.
7. Bangunan ini dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan seperti sebuah dewan serbaguna yang boleh memuatkan 700 tempat duduk, auditorium dengan 137 buah kerusi, ruang kafetaria berkapasiti untuk 224 orang, tempat letak kereta yang boleh memuatkan 343 buah kereta dan 200 buah motosikal pada satu-satu masa, sebuah surau yang boleh menampung lebih 100 orang jemaah, bilik-bilik mesyuarat dan lain-lain lagi.
8. Penonjolan seni bina bangunan ini adalah dipengaruhi oleh seni bina sekitar kawasan Putrajaya serta reka bentuk seni bina Islam seperti yang dipamerkan oleh Masjid Putra dan Jambatan Putra. Apabila dilihat daripada Jambatan Putra, lenturan pada kedua-dua tapak menara pejabat ini akan membentuk satu paksi yang menggambarkan konsep pergerakan dan pandangan dinamik. Penggunaan kepingan-kepingan kaca untuk dinding luaran bangunan adalah untuk mendapatkan pemandangan luar yang terbuka dan melambangkan imej korporat.
9. Selain daripada seni bina bangunan, reka bentuk landskap juga dititikberatkan dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan ekologi dan iklim tropika. Pembangunan landskap yang merangkumi kawasan seluas 9,215 meter persegi ini memberikan penumpuan terhadap penggunaan kawasan landskap luar sebagai kawasan plaza terbuka terhadap pengguna awam dan juga berfungsi sebagai ruang luar utama untuk kawasan riadah.

10. Bangunan Menara PjH ini akan menempatkan ruang pejabat yang lebih selesa bagi menampung keperluan sebenar warga kerja KWPKB, khususnya lanjutan daripada pengumuman Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2010, mengenai pertambahan dan perluasan fungsi serta tanggungjawab Kementerian yang meliputi pelaksanaan program **membasmi kemiskinan bandar di seluruh negara.**

11. Tambahan pula, rangka kerja perkhidmatan awam yang menumpukan terhadap pencapaian bidang keberhasilan dan “*outcome*” berdasarkan Program Transformasi Kerajaan dengan **Gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**” menuntut KWPKB supaya mempunyai identiti dan mercu tanda bangunan sendiri seperti mana Kementerian-kementerian lain ke arah merealisasikan misi “Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera”.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

27 Mei 2010
PUTRAJAYA